

04 OCT 2001

RAFIDAH-ICT

PENGELUAR M'SIA BELUM USAHAKAN ICT SEPENUHNYA, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Pengeluar-pengeluar Malaysia belum lagi mengusahakan sepenuhnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam aktiviti pengeluaran mereka, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Beliau berkata beberapa kajiselidik yang dijalankan dari 1999 hingga 2000 menunjukkan terdapa paras yang rendah penggunaan dan aplikasi ICT di kalangan pengeluar tempatan.

Bercakap pada Sidang Kemuncak CEO 2001 hari ini, katanya satu kajiselidik yang dilaksanakan pada 1999 oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) ke atas 126 buah syarikat, didapati bahawa kesemua responden sekurang-kurangnya mempunyai sebuah komputer peribadi (PC) di dalam organisasi mereka masing-masing, dengan 76 peratus daripada PC itu mempunyai keupayaan perangkaan.

Sidang kemuncak bertema "Tindakan bagi Industri-industri Berpengetahuan dan Mapan (AKSI)" dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Rafidah berkata di dalam kajiselidik itu, 72 peratus daripada responden menggunakan perisian yang terutamanya dalam aplikasi IT bertahap rendah dan fungsi-fungsi asas dalam pentadbiran seperti pemeroses "word" bagi lembaran lebar, e-mel dan perakaunan.

Hanya 28 peratus daripada responden itu menggunakan ICT bagi pengurusan pangkalan data iaitu perancangan Sumber Perusahaan (ERP), Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD), Pembuatan Bantuan Komputer (CAM) dalam pengeluaran, rekabentuk dan bagi fungsi-fungsi mereka bentuk dan Pertukaran Data Elektronik (EDI).

Ini, katanya hanya terpakai kepada syarikat lebih besar. Secara keseluruhan, katanya 55.5 peratus daripada responden menunjukkan mempunyai belanjawan tahunan untuk ICT.

Dalam konteks akses internet di Malaysia, terdapat dianggarkan lebih 8.0 juta pengguna di Malaysia pada 2000 berbanding dengan hanya kira-kira 30,000 pada 1995.

Sehingga 31 ogos 2001, terdapat sejumlah 23,786 nama domain yang dicatatkan di Malaysia berbanding dengan cukma 100 pada 1995 dan 1,943 sehingga akhir 1997.

Mengenai e-dagang, Rafidah berkata ia telah mulai meluas di Malaysia, sungguhpun pada kadar perlahan.

Pada tahun 2000, anggaran jumlah transaksi e-dagang berjumlah sekitar RM1.6302 bilion dengan transaksi perniagaan ke perniagaan (B2B) berjumlah kira-kira RM978.1 juta.

Transaksi perniagaan ke Pengguna (B2C), sementara itu, berjumlah RM652.1 juta.

Bagi 2001, unjuran transaksi e-dagang dijangka mencapai RM2.4208 bilion, dengan transaksi B2B menyumbang sekitar 60 peratus daripada keseluruhan transaksi.

Pada 2005, Rafidah berkata transaksi e-dagangan dijangka mencecah sejumlah RM9.4 bilion dengan pertumbuhan diunjurkan pada kadar tahunan sebanyak 42.5 peratus.

Perangkaan itu, kata Rafidah, hanya menunjukkan potensi aplikasi ICT dalam industri dan perdagangan. -- BERNAMA

ER SHY OS